

Zainul Rashid dipilih tokoh Maal Hijrah Selangor

Utusan Malaysia

15 OCT 2015

SHAH ALAM 14 Okt. - Timbalan Dekan Siswazah dan Hubungan Antarabangsa Pusat Perubatan Universiti Kebangsaan Malaysia (PPUKM), Prof. Dr. Zainul Rashid Mohamad Razi dipilih sebagai Tokoh Maal Hijrah Peringkat Negeri Selangor 2015 dalam satu sambutan yang diadakan di sini semalam.

Beliau yang merupakan pakar dalam bidang obstetrik, ginekologi dan kesuburan dipilih menerima anugerah tersebut atas jasa serta pengorbanannya kepada seluruh masyarakat umum, khususnya dalam bidang perubatan.

Menurut Zainul Rashid, 57, yang turut aktif dalam pembentangan kertas kerja berkaitan bidang perubatan di peringkat nasional mahupun antarabangsa, beliau sendiri tidak menyangka akan dipilih sebagai Tokoh Maal Hijrah.

"Apa pun saya bersyukur dan gembira kerana sumbangan saya dihargai oleh kerajaan negeri.

"Terima kasih atas penghargaan dan anugerah ini yang akan menjadi permulaan untuk saya memberikan lebih banyak sumbangan terutamanya dalam bidang perubatan," katanya kepada pemberita selepas menerima anugerah itu di Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah di sini.

Selain anugerah itu, beliau turut menerima RM20,000, pingat dan sijil penghargaan yang disampaikan Tengku Panglima Diraja Selangor, Tengku Sulaiman Shah yang mewakili Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah.

Lebih 2,000 orang hadir ke majlis sambutan Maal Hijrah tahun ini yang bertemakan 'Umat Bermaafakat Negeri Berkat' dan turut diserikan dengan bacaan al-Quran, forum perdana dan ceramah agama.

Yang turut hadir Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Mohamed Khusrin Munawi dan Penga-

rah Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS), Datuk Haris Kasim.

Dalam pada itu, sepasang suami isteri, Harun Ahmad, 68, dan Nuraini Ismail, 63, menerima anugerah Tokoh Keluarga Mithali atas kegigihan mereka membesarkan sembilan anak sehingga berjaya menjadi doktor, jurutera, akauntan, pensyarah dan guru.

Pada masa sama, Pensyarah Kanan di Jabatan Pengajian Dakwah dan Kepimpinan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Nur Athiroh Masyaail Abdullah, 40, yang merupakan seorang mualaf, diumumkan sebagai Tokoh Saudara Kita atas jasa dan sumbangan dalam kegiatan dakwah, penulisan dan pembentangan kertas kerja berkaitan dakwah Islam.

Pertubuhan Kebajikan Wanita Islam Selangor (Bakewanis) pula diumumkan sebagai penerima Anugerah Badan Dakwah Sukarela Terbaik.



TENGGU SULAIMAN SHAH menyampaikan anugerah Tokoh Maal Hijrah Peringkat Negeri Selangor 2015 kepada Zainul Rashid Mohamad Razi (kiri) sempena pelancaran sambutan Maal Hijrah di Shah Alam, kelmarin. - UTUSAN/IZHAM JAAFAR